

Seri Paduka seru rakyat laksanakan sesuatu secara berhikmah, tidak zalim

Amalkan sikap kesederhanaan

Oleh HASHNAN ABDULLAH
dan NAZMIL NASIRUDDIN
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 27 Nov. - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin hari ini menyeru rakyat negara ini, termasuk umat Islam agar sentiasa mengamalkan sikap kesederhanaan dalam setiap amalan.

Seri Paduka bertitah, kesederhanaan sosial ialah merujuk kepada pelaksanaan sesuatu perkara secara berhikmah, tidak bertindak secara melulu dan tidak pula menzalimi orang lain.

Dengan erti kata lain, titah baginda, tidak sepatutnya membesarkan perselisihan yang kecil tetapi sebaliknya menyelesaikan perselisihan tersebut dengan cara yang terbaik.

“Kita harus sedar dan tahu bahawa keamanan negara amat berkait rapat dengan perpaduan ummah kerana tidak mungkin masyarakat yang kacau bilau mampu mengekalkan keamanan sesebuah negara.

“Beta menyeru agar kita dapat tanamkan dalam hati untuk menyayangi negara seperti mana kita menyayangi keluarga sendiri dan konsep *Negaraku Rumahku, Rumahku Syurgaku* perlu disematkan dalam diri semua rakyat,” titah baginda.

Seri Paduka bertitah ketika merasmikan sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2011 yang bertemakan *Persefahaman Asas Perpaduan Ummah* di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Da-



TUANKU Mizan Zainal Abidin berkenan menyampalkan Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1433 kepada Dr. Abdul Shukor Husin (kiri) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah (duduk depan kanan) dan Najib Tun Razak (duduk depan kiri). - BERNAMA

tuk Seri Jamil Khir Baharom.

Pada majlis yang sama, baginda turut menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1433 (Hijrah) kepada Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.

Bagi peringkat antarabangsa pu-

la, ia dianugerahkan kepada Menteri Haji Arab Saudi, Dr. Fouad Abdul Salam.

Justeru, Yang di-Pertuan Agong percaya amalan sayang-menyayangi dan hormat-menghormati akan membentuk sebuah masyarakat yang penyayang dan mementingkan sifat kekitaan.

“Sifat sedemikian penting untuk membentuk persefahaman dan apa-

bila ia wujud subur, maka perselisihan akan diselesaikan dengan sikap tolak ansur.

“Inilah titik tolak bagi membentuk perpaduan dalam sesuatu masyarakat,” titah baginda.

Dalam pada itu, Yang di-Pertuan Agong turut melahirkan kebimbangan dengan keadaan sosialisasi masyarakat yang kini dilihat semakin menebal dengan sifat indivi-

dualistik.

“Budaya bertegur sapa kini sudah mula ditinggalkan dan lebih malang lagi manfaat hidup berjiran sudah tidak diendalikkan lagi.

“Beta amat berharap agar semangat kejiranan dan sifat kekitaan itu akan subur semula dalam masyarakat supaya kita dapat menjalani kehidupan harian dengan lebih harmoni dan berkasih sayang,” titah baginda.